

0548

U B393 AAB  
MAHATHIR - SAHAM

SUBANG, 21 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARGA DAN PASARAN SAHAM DI MALAYSIA MASIH TIDAK BANYAK TERJEJAS AKIBAT KEJATUHAN HARGA DAN PASARAN SAHAM DI DUNIA SEKARANG.

KATANYA, MASIH BANYAK DI KALANGAN PELABUR LUAR NEGERI MENGANGGAP NILAI SAHAM DI MALAYSIA MASIH RENDAH DAN +SEKARANGLAH WAKTUNYA UNTUK MEMBELI SAHAM-SAHAM BERKENAAN+.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG DARI VANCOUVER SELEPAS MENGHADIRI PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL, KEJATUHAN HARGA SAHAM DI SELURUH DUNIA SEDIKIT-SEBANYAK MEMPUNYAI KESAN DI MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN, KEJATUHAN TERUK HARGA SAHAM DI SELURUH DUNIA TIDAK ADA KAITAN DENGAN MALAYSIA, TAMBAH BELIAU.

MENGENAI KEJADIAN PENCEROBOHAN ASKAR SINGAPURA DI JOHOR BARU-BARU INI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TELAH MEMBERITAHU PERDANA MENTERI SINGAPURA, ENCIK LEE KUAN YEW, SUPAYA PIHAKNYA MEMBERI PERHATIAN BERAT SERTA ARAHAN YANG TEPAT KEPADA TENTERA NEGARA ITU. -- LAGI

1906MST 21 10 87

0549

U B394 AAB  
MAHATHIR - SAHAM 2 SUBANG

KATANYA, SEKIRANYA PERKARA ITU BERULANG ADALAH SUKAR UNTUK MALAYSIA MENERIMA IA SEBAGAI SATU TINDAKAN YANG TIDAK DISENGAJAKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN BAHAWA PERHUBUNGAN BAIK ANTARA KEDUA-DUA NEGARA JIRAN ITU PERLU DIPELIHARA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU BERPUAS HATI DENGAN PENJELASAN ENCIK LEE (MENGENAI INSIDEN ITU) DAN YAKIN KEJADIAN ITU SEMEMANGNYA TIDAK DISENGAJAKAN. -- BERNAMA

1907MST 21 10 87